

08 FEB 1997

Jepun-Nafi

JEPUN NAFI TUDUH MALAYSIA MENGENAI ISU TELEKOMUNIKASI

Oleh: A.S. Morita

TOKYO, 8 Feb (Bernama) -- Jepun menafikan telah menuduh Malaysia menjadi batu penghalang kepada perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai telekomunikasi.

Para pegawai Kementerian Pos dan Telekomunikasi Jepun berkata semalam Jepun tidak menyalahkan Malaysia jika perjanjian itu tidak ditandatangani menjelang 15 Feb di Geneva sebagaimana dijangkakan oleh negara-negara lain yang menawarkan untuk meliberalkan sektor telekomunikasi masing-masing.

"Tentunya berlaku sedikit salah faham atau silap laporan mengenai kedudukan Jepun," kata Hagimoto, seorang pegawai Jepun yang terlibat dalam rundingan WTO mengenai telekomunikasi.

Hagimoto, yang juga ketua Pejabat Dasar Perdagangan, Bahagian Dasar Antarabangsa dalam Sekretariat Menteri, berkata jepun tidak akan memaksa mana-mana negara untuk membuat keputusan persendirian mengenai meliberalkan perkhidmatan telekomunikasi, dan "tidak terfikir bagi pasukan perundingan kerajaan Jepun di Geneva untuk menuduh atau menyalahkan Malaysia".

Beliau memberitahu Bernama bahawa Jepun juga tidak menyalahkan Amerika Syarikat, Kanada atau Jepun.

"Jepun telah menawarkan untuk meliberalkan 100 peratus sektor perkhidmatan telekomunikasi di Jepun supaya persaingan dapat memberi faedah kepada pengguna Jepun," katanya.

Katanya: "Kami hanya boleh berharap perjanjian itu dapat ditandatangani pada tarikh secepat mungkin, dan faktor utama di sini ialah Amerika Syarikat, yang sikapnya dapat menentukan sama ada perjanjian itu dapat ditandatangani menjelang 15 Feb."

Semasa mengulas laporan akhbar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Jepun supaya tidak menuduh negara lain sebagai batu penghalang kepada perjanjian WTO mengenai telekomunikasi.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa "Jepun juga mempunyai masalah ... jadi kita semua harus bersabar. Tidak perlu untuk tuduh menuduh."

Pegawai-pegawai Jepun berkata secara amnya, Malaysia merupakan sebuah negara terkemuka di Asia Tenggara dan negara penting dalam bidang telekomunikasi.

"Dengan demikian, Malaysia sewajarnya dijangka menyertai meja perundingan dan mengambil bahagian aktif dalam perbincangan mengenai sektor ini. Sebagai sahabat Malaysia, Jepun merasa bimbang kerana Malaysia menjadi tumpuan negara lain sebagai negara utama Asia Timur tunggal yang tidak mengemukakan sebarang tawaran," kata mereka.

Terdapat 54 negara daripada 130 anggota WTO yang telah membuat pelbagai tawaran mengenai usaha liberalisasi masing-masing.

Indonesia membuat tawaran pada 31 Jan, manakala Thailand, Singapura, Hong Kong telah juga mengemukakan rancangan liberalisasi mereka.

Ketika ditanya sama ada perjanjian itu dapat ditandatangani menjelang 15 Feb, Hagimoto berkata beliau tidak pasti, "tetapi negara-negara berkenaan akan membuat keputusan terakhir pada saat-saat terakhir sebelum tempoh itu tamat, jika tidak tempoh itu ditangguh tiga atau enam bulan lagi, dan bukannya menunggu sehingga tahun 2000.

-- BERNAMA

ASM AHH